

Terma dan Syarat Peraduan *MaiKliQ: Renew & Menang* MaiKliQ

Pengenalan

1. Terma & Syarat yang dinyatakan di sini ("**Terma & Syarat**") akan diguna pakai untuk Peraduan/Kempen/Promosi '**MaiKliQ: Renew & Menang**' MaiKliQ ("**Peraduan/kempen/promosi**") yang dianjurkan oleh KPF Niaga Sdn. Bhd. [No. Syarikat 201701047216 (1261392-D)] (**dirujuk secara kolektif sebagai "MaiKliQ"**).

Tempoh Peraduan/Kempen/Promosi

2. Peraduan/Kempen/Promosi ini akan bermula pada tarikh 30 Julai 2025 jam 8.30 pagi Waktu Malaysia ("**MYT**") hingga 31 Disember 2025 jam 11:59 malam MYT ("**Tempoh Peraduan/Kempen/Promosi**"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan/Kempen/Promosi akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai pemenang Peraduan/Kempen/Promosi ini (seperti yang ditakrifkan di bawah).

Kelayakan

3. Peraduan/Kempen/Promosi ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada 30 Julai 2025.
4. Terpakai bagi setiap pembelian takaful/insurans yang komprehensif samada motor atau kereta.
5. Pembelian takaful/insurans melalui laman web <https://maikliq.my/> atau mana-mana URL link affiliate yang berdaftar.

Pelaksanaan Peraduan/Kempen/Promosi

5. Peraduan/Kempen/Promosi akan diadakan melalui laman rasmi Facebook, Instagram dan TikTok MaiKliQ.
6. Hadiah peraduan/kempen/promosi terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu **hadiah saguhati** dan **hadiah utama**.
7. Peraduan/kempen/promosi ini akan dijalankan sebanyak tujuh (5) pusingan bagi **hadiah saguhati**. Penyertaan/kempen/promosi yang diterima selepas tempoh pusingan yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tempoh setiap pusingan adalah seperti di bawah:

Pusingan Pertama: 30 Julai 2025 pada pukul 8:30 pagi MYT hingga 31 Ogos 2025 pada pukul 11:59 malam MYT.

Pusingan Kedua: 1 September 2025 pada pukul 8:30 pagi MYT hingga 30 September 2025 pada pukul 11:59 malam MYT.

Pusingan Ketiga: 1 Oktober 2025 pada pukul 8:30 pagi MYT hingga 31 Oktober 2025 pada pukul 11:59 malam MYT.

Pusingan Keempat: 1 November 2025 pada pukul 8:30 pagi MYT hingga 30 November 2025 pada pukul 11:59 malam MYT.

Pusingan Kelima: 1 Disember 2025 pada pukul 8:30 pagi MYT hingga 31 Disember 2025 pada pukul 11:59 malam MYT.

8. Peraduan/kempen/promosi untuk **hadiah utama** akan ditentukan daripada jumlah keseluruhan pemenang saguhati bulanan sepanjang pusingan yang diadakan.
9. Untuk setiap pusingan (**Hadiah Saguhati**), sepuluh (10) Peserta akan dipilih sebagai Pemenang (“Pemenang”) tetapi bagi pusingan pertama sahaja, dua puluh (20) Peserta akan dipilih sebagai Pemenang (“Pemenang”). Pemilihan secara rawak akan digunakan untuk memilih Pemenang bagi setiap pusingan.
10. Tiga (3) orang Pemenang (**Hadiah Utama**) akan dipilih pada akhir Tempoh Peraduan/kempen/promosi pada 12 Januari 2026. Pemilihan akan dibuat secara rawak untuk menentukan Pemenang
11. Pemenang untuk setiap pusingan akan diumumkan di halaman Facebook rasmi dan Instagram MaiKliQ pada:
Pusingan Pertama: 4 September 2025
Pusingan Kedua: 4 Oktober 2025
Pusingan Ketiga: 4 November 2025
Pusingan Keempat: 4 Disember 2025
Pusingan Kelima: 4 Januari 2026
(“Pengumuman Pemenang”).
12. Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan sahaja yang akan dipilih sebagai Pemenang.

Hadiah

13. Setiap Pemenang (**Hadiah Saguhati**) akan menerima hadiah (**“Hadiah”**) berikut:
Ringgit Malaysia Lima puluh (RM100.00) e-Baucar Touch ‘n Go (**“e-Baucar”**)
14. Tempoh sah e-Baucar ini adalah seperti yang tertera pada e-Baucar serta tertakluk kepada terma dan syarat yang terpakai pada e-Baucar tersebut.
15. Setiap Pemenang (**Hadiah Utama**) akan menerima hadiah (**“Hadiah”**) berikut:
Motersikal bagi pemenang pertama dan barangan elektrik bagi pemenang kedua dan ketiga.
16. Setiap pemenang hendaklah bertanggungjawab terhadap penebusan/penggunaan Hadiah. MaiKliQ tidak akan bertanggungjawab atau dikehendaki menawarkan penggantian dan/atau pampasan Hadiah untuk mana-mana:
 - a) e-Baucar yang tidak digunakan atau tamat tempoh;
 - b) kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemenang akibat daripada pelanggaran terhadap terma dan syarat e-Baucar;

- c) perubahan yang dibuat terhadap Hadiah; dan
 - d) tidak menebus/menggunakan hadiah disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka.
17. Pemenang dikehendaki untuk menghantar butiran (nama penuh dan nombor telefon) melalui “Private Message” di Facebook rasmi MaiKliQ atau “Direct Message” di Instagram rasmi MaiKliQ atau “Direct Message” di TikTok rasmi MaiKliQ atau hubungi kami di Whatsapp rasmi MaiKliQ dalam masa tiga (3) hari selepas pengumuman Pemenang.
 18. Jika ada Pemenang yang gagal menghantar butiran kepada MaiKliQ dalam masa tiga (3) hari selepas pengumuman Pemenang, MaiKliQ berhak untuk membatalkan kemenangan tersebut dan memilih Pemenang daripada Peserta lain.
 19. **Hadiah (Saguhati)** hanya akan dihantarkan kepada Pemenang setelah tamat setiap pusingan melalui “Private Message” di Facebook rasmi MaiKliQ atau “Direct Message” di Instagram rasmi atau Whatsapp rasmi MaiKliQ atau “Direct Message” di TikTok rasmi MaiKliQ dalam masa tiga (3) hari selepas pengumuman pemenang.
 20. **Hadiah (Hadiah Utama)** hanya akan dihantarkan kepada Pemenang setelah tamat tempoh peraduan/kempen/promosi melalui “Private Message” di Facebook rasmi MaiKliQ atau “Direct Message” di Instagram rasmi atau Whatsapp rasmi MaiKliQ atau “Direct Message” di TikTok rasmi MaiKliQ dalam masa tiga (3) hari selepas pengumuman pemenang.
 21. Pemenang adalah bertanggungjawab untuk semua cukai yang dikenakan terhadap Hadiah yang akan diterima (jika berkenaan).
 22. Hadiah hanya akan dihantar kepada Pemenang SEKALI sahaja untuk setiap pusingan. Jika Pemenang gagal menerima Hadiah tersebut, kami tidak akan membayar balik, pindah milik/ditebus secara tunai atau dengan mana-mana produk atau perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh MaiKliQ.

Terma dan Syarat Am

21. Dengan menyertai Pertandingan ini, Peserta:
 - a) bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat;
 - b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem MaiKliQ sepanjang Tempoh Peraduan/kempen/promosi ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh MaiKliQ berhubung dengan Peraduan/kempen/promosi ini adalah muktamad. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat menyurat tidak akan dilayan;
 - d) bersetuju membenarkan data peribadi didedahkan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak ketiga iaitu penyedia perkhidmatan/pembekal yang diberi kuasa termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh MaiKliQ untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Peraduan/kempen/promosi dan bagi tujuan yang berkaitan dengan Peraduan/kempen/promosi termasuk penghantaran Hadiah;
 - e) bersetuju membenarkan MaiKliQ menyiarkan nama, gambar yang diambil atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa hadapan dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Peraduan/kempen/promosi ini tanpa sebarang pampasan;
 - f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada MaiKliQ, termasuk pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa sebarang limitasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh MaiKliQ untuk

tujuan Peraduan/kempen/promosi ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Peraduan/kempen/promosi ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan atau penangguhan Peraduan/kempen/promosi ini.

Notis Privasi MaiKliQ

22. Dengan menyertai Peraduan/kempen/promosi ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh MaiKliQ selaras dengan [Notis Privasi Syarikat](#) yang dapat dilihat di <https://maikliq.my> ("Notis Privasi").
23. Di samping itu, tanpa prejudis terhadap terma di dalam Notis Privasi MaiKliQ tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta/Pemenang melalui e-mel ke hqmotorkpf@gmail.com untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta/Pemenang bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh MaiKliQ untuk:
- a) tujuan Peraduan/kempen/promosi ini; dan
 - b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh MaiKliQ dalam mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta respons dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, setiap Peserta/Pemenang bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah MaiKliQ berhubung dengan Peraduan/kempen/promosi.

Pelbagai

24. MaiKliQ berhak untuk:
- a) membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang tidak layak mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Peraduan/kempen/promosi;
 - b) menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Peraduan/kempen/promosi lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau mengubah, menambah, memadam, mengubah suai atau meminda terma dan syarat di sini, sepenuhnya atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkan di Facebook rasmi dan Instagram rasmi MaiKliQ atau dalam kaedah lain yang MaiKliQ anggap praktikal dengan memberi notis awal yang munasabah kepada Peserta mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan Terma & Syarat atau penamatan Peraduan/kempen/promosi.
25. MaiKliQ dan mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh MaiKliQ untuk tujuan Peraduan/kempen/promosi) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau disebabkan oleh Peserta/Pemenang (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan/kempen/promosi dan/atau penggunaan Hadiah; dan sebarang keingkaran kewajibannya di bawah Peraduan/kempen/promosi disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure* yang

termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah MaiKliQ.

26. Terma & Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Peserta/Pemenang bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
27. Ketidaksahan,kepenyalahan undang-undang atau ketidakmampuan penguatkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain Terma & Syarat Peraduan/kempen/promosi ini.